

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 82

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan untuk meningkatkan peratus gaji yang diterima pekerja berbanding pemodal untuk mencapai sasaran seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

JAWAPAN

TuanYang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 telah mensasarkan Pampasan Pekerja kepada KDNK sebanyak 38% menjelang 2020 iaitu peningkatan sebanyak 2.8% berbanding 35.2% pada 2017. Antara faktor yang dijangka akan menyumbang kepada peningkatan ini adalah :

i. Menarik Pelaburan Berkualiti

Pelaburan berkualiti tinggi akan diberi keutamaan sepanjang RMK-11 bagi mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengkaji semula Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi. Pelaburan berkualiti tinggi akan mengalihkan industri

tempatan ke rantaian yang lebih tinggi yang memberi keutamaan lebih kepada automasi berbanding intensif buruh. Peralihan ini dijangka akan mengurangkan kebergantungan industri tempatan terhadap pekerja asing. Industri di rantaian yang tinggi akan menggajikan pekerja berkemahiran dengan upah yang tinggi. Peningkatan upah ini seterusnya dijangka akan merapatkan jurang antara peratus gaji yang diterima pekerja berbanding pemodal.

ii. Mengkaji Semula Dasar Gaji Minimum

Selaras dengan Perintah Gaji Minimum 2018, Kerajaan telah menaikkan gaji minimum bulanan kepada RM1,100 mulai 1 Januari 2019. Kerajaan juga akan terus mengkaji semula dasar gaji minimum setiap dua tahun sekali seperti yang ditetapkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) 2011. Bagi memastikan pekerja berkenaan mendapat manfaat dari pelaksanaan tersebut, penguatkuasaan akan dipertingkat bagi memastikan pematuhan kepada perintah ini.

iii. Membangunkan Indeks Gaji Kebangsaan

Bagi memastikan pekerja mendapat gaji yang setimpal dengan tahap kelulusan, Kerajaan telah melancarkan Indeks Gaji Kebangsaan (*National Wage Index*; NWI) pada 19 Februari 2019. NWI akan menjadi panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menentukan tahap gaji yang sesuai, selaras dengan tahap kelayakan dan kemahiran pekerja. NWI dibangun dengan menggabungkan data upah dari pelbagai sumber bagi memberi gambaran yang lebih baik berkenaan gaji. Dengan adanya NWI sebagai panduan gaji yang sepatutnya diterima, pekerja dapat memanfaatkannya untuk berunding dengan pihak majikan lantas mewujudkan kuasa tawar-menawar (*bargaining power*). Ianya juga bertindak sebagai penanda aras pasaran yang secara tidak langsung akan “memaksa” majikan untuk meningkatkan gaji mengikut kadar semasa untuk mengelak pekerjaanya bertukar ke majikan yang lain.

iv. Memperluas Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS)

Kerajaan sedang berusaha bagi meningkatkan bilangan majikan yang menerima pakai Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (*Productivity Linked Wage System*; PLWS). Sehingga kini, lebih kurang 85,000 buah syarikat telah menerima pakai PLWS yang memberi manfaat kepada hampir 4.2 juta orang pekerja. Pelaksanaan PLWS akan memastikan pekerja dibayar setimpal dengan produktiviti yang dihasilkan. Di samping itu, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan dipergiat untuk meningkatkan produktiviti buruh ke arah meningkatkan gaji dan upah mereka.

Sekian, terima kasih.